

MAHATHIR - LAWATAN
(1) 1984

KUALA LUMPUR, 19 SEPT. (BERNAMA) -- LAWATAN RASMI DATUK SERI DR. MAHATHIR KE ITALI MULAI 24 SEPTEMBER INI - YANG PERTAMA OLEH SEORANG PERDANA MENTERI MALAYSIA DISIFATKAN OLEH PARA PEGAWAI DAN USAHAWAN ITALI DI SINI SEBAGAI TITIK PERUJUAN DALAM HUBUNGAN DUA HALA EKONOMI DAN PERDAGANGAN MALAYSIA-ITALI YANG SELAMA INI LEBIH BERTUMBUH.

PARA PEGAWAI ITU YAKIN LAWATAN PERDANA MENTERI ITU AKAN MEMBUKA ALIRAN SARU DALAM HUBUNGAN DUA HAL ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

PERKARA PENTING DALAM LAWATAN ITU IALAH MENINJAU PELUANG-PELUANG EKONOMI DAN PERDAGANGAN SEAGAIMANA BERDASARKAN ATURCARA LAWATAN PERDANA MENTERI DAN DELEGASINYA YANG TERMASUK ROMBONGAN SEKTOR SWASTA SERAMAI 27 ANGGOTA.

PROGRAM RASMI PERDANA MENTERI TEMASUK MENGUNJUNGI PRESIDEN SANDRO PERTINI PADA HARI PERTAMA LAWATANNYA YANG KEBETULAN JATUH SEHARI SEBELUM ULANGTAHUN KE-88 PRESIDEN ITU.

INI AKAN DIKUTI OLEH PERTEMUAN EMPATMATA ANTARA DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN PERDANA MENTERI ITALI ETTINO CRAXI. DATUK SERI DR. MAHATHIR DIJANGKA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA RAKAN SEJAWATNYA MENGENAI KEADAAN POLITIK DI ASIA TENGGARA, KAMPUCHEA DAN KERJASAMA EKONOMI.

ITALI MENYOKONG PENDIRIAN ASEAN MENGENAI KAMPUCHEA. -LAGI.
1153MST 19 09 84

D352

R 8266 DEB

MAHATHIR - LAWAT 2 KUALA LUMPUR.

PERDANA MENTERI SENDIRI DIPERCAYAI TURUT MENYUSUN LAWATANNYA DAN KEBANYAKANNYA DITERIMA ATAS PERMINTAANNYA.

INI TERMASUK LAWATAN SAMBIL MENGENAL KE TEMPAT-TEMPAT UJIAN KILANG-KILANG AUTOMOBILITALI, SISTEM KOMPUTER, TELEKOMUNIKASI, PUSAT-PUSAT AERONOTIK DAN LIMBONGAN KAPAL DI TORINO DAN PISA.

PERDANA MENTERI JUGA DIJADUAL MENEMUI KIRA-KIRA 350 ORANG KAKITANGAN MALAYSIA DAN ANGGOTA KELUARGA MEREKA YANG BEKERJA DI SEBUAH PROJEK TENTERA LAUT MALAYSIA DI INTERMARINE SHIPYARD DI PISA DI HARI TERAKHIR LAWATANNYA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA AKAN SERUCAP DI SESSI BERSAMA SEKTOR SWASTA ITALI DAN MALAYSIA. DI SINI PERDANA MENTERI DIJANGKA MENGGARISKAN KEPENTINGAN DAN OJEKTIF-OSJEKTIF MALAYSIA.

PEREINCANGAN JUGA AKAN DIADAKAN BAGI GALAKAN PERDAGANGAN TERUS, PELABURAN, PROJEK-PROJEK USAHASAMA, PELUANG-PELUANG LATIHAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI. ---LAGI.

1222MST 19 09 84.

D354

R B265 DES

MAHATHIR - LAWAT 3 KUALA LUMPUR

KEDUA-DUA PIHAK BERHARAP MENCAPAI PERSETUJUAN ATAU MUNGKIN PENANDATANGANAN SATU PERJANJIAN MENGENAI TAWARAN ITALI BAGI KREDIT KEDUA SEBANYAK \$468 JUTA (AS\$200 JUTA).

PINJAMAN PERTAMA LEBIH AS\$100 JUTA DITANDATANGANI DALAM 1981.

SUMBER PERDAGANGAN ITALI DI SINI AMAT BERMINAT TERHADAP LAWATAN ITU DAN YAKIN BAHAWA BEBERAPA PERJANJIAN AKAN TERCAPAI MENGENALI PELANCARAN DUA BUAH SYARIKAT PERDAGANGAN, SESUAI DI SINI DAN SATU LAGI DI ITALI SERTUJUAN MENGGALAKKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA NEGARA DAN DI NEGARA KETIGA.

SUMBER ITU JUGA MENYATAKAN PERBADANAN PELABURAN SEBERANG LAUT MALAYSIA YANG MEMPUNYAI WAKIL DALAM DELEGASI ITU AMAT BERMINAT DENGAN IDEA ITU.

IDEA ITU TELAH DIBINCANGKAN AWAL TAHUN INI SEMASA MESYUARAT PELANCARAN SURUHANJAYA BERSAMA ITALI-MALAYSIA MENGENAI KERJASAMA PERDAGANGAN DAN EKONOMI DIADAKAN DI SINI. -- LAGI

MAHATHIR - LAWAT 4 KUALA LUMPUR

SETIAUSAHA PERTAMA DI KEDUTAAN ITALI DISINI, ENCIK PIO MARINI BERKATA RAKYAT ITALI NENARUH HARAPAN YANG TINGGI PADA LAWATAN INI.

DUTANYA, ENCIK MARCELLO SPATAFORA TELAH BERLEPAS KE NEGARANYA TIGA MINGGU LALU BAGI MENGATUR PERSIAPAN UNTUK LAWATAN ITU.

ENCIK MARIANI DAN PESURUHJAYA PERDAGANGAN ITALI DISINI DR. SERGIO GIARDINA BERKATA KEDUTAAN ITU DAN PEJABAT PERDAGANGAN ITALI TELAH NENERXMA BANYAK PERTANYAAN TENTANG LAWATAN PERDANA MENTERI ITU.

RAKYAT ITALI TERLALU GHAIRAH SEHINGGA MEREKA MAHUKAN PERDANA MENTERI MELIHAT +SETENGAH DARI NEGARA ITU,+TAMBAH ENCIK MARIANI.

ENCIK MARIANI BERKATA ORANG ITALI YANG SELAMA INI BERHUBUNG DENGAN RAKAN TRADISI MEREKA DI EROPAH, AMERIKA SELATAN DAN ASIA BARAT TELAH MENGUBAH SIKAP MEREKA DAN KINI MENUMPUKAN PERHATIAN MEREKA KEPADA MALAYSIA YANG MEMPUNYAI POTENSI BERKENBANG ANTARA TUJUH HINGGA LAPAN PERATUS BERBANDING DENGAN RAKAN TRADISI MEREKA YANG BERKEMBANG SATU PERATUS SAHAJA SETIAP TAHUN.--LAGI

1235MST 19 09 84

0374

U B272 DEB

MAHATHIR - LAWAT 5 KUALA LUMPUR

DR. GIARDINA BERKATA PADA MASA LALU SEKTOR SWASTA ITALI TIDAK BAGITU MEMEERI MINATNYA TERHADAP MALAYSIA. INI JELAS TERLIHAT PADA JUMLAH PERDAGANGAN YANG RENDAH ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

EKSPORT ITALI KE MALAYSIA BERJUMLAH KIRA-KIRA \$270 JUTA TAHUN LALU DAN IMPORT NYADARI MALAYSIA SERJUMLAH KIRA-KIRA \$290 JUTA. IA TELAH JUGA MENUBUHKAN BEBERAPA USAHASAMA DI SINI.

BAGAIMANAPUN, INSTITUT PERDAGANGAN LUAR ITALI TELAH MENGENALPASTI SATU PROGRAM DIKENALISEBAGAI +PROJEK MALAYSIA+ DI MANA MALAYSIA DIKENALPASTISEBAGAI NEGARA YANG STABIL DARI SEGI POLITIK DAN EKONOMI BAGI KEGIATAN PENGGALAKKAN DALAM TEMPOH LIMA TAHUN DAN LEBIH.

DENGAN PENEKANAN BARU INI, DR. GIARDINA BERKATA ITALI YANG DUDUK SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN KETUJUAH DI DUNIA, DIJANGKA M-~~S~~ENINGKATKAN USAHA BAGI MEMBAIKI HUBUNGAN EKONOMI DAN DAGANGAN DENGAN MALAYSIA.

DR. GIARDINA JUGA BERKATA PIHAK ITALI TIDAK SETAKAT Mencari PASARAN BAGI BARANG-BARANGNYA TETAPI JUGA BERMINAT TERHADAP PEMINDAHAN TEKNOLOGI.--LAGI

1250MST 19 09 84

D380

R B275 DEE!

MAHATHIR - LAWAT 6 KUALA LUMPUR

SUMBER-SUMBER PERDAGANGAN LAIN BERKATA ITALI YANG TELAH MENGALAMI KERUGIAN BERIKUTAN PERUBAHAN KEADAAN POLITIK DI AMERIKA SELATAN DAN ASIA BARAT DIMANA IA MENUMPUKAN PERHATIANNYA, KINI MENGALIH PERHATIANNYA KE NEGARA-NEGARA LAIN.

ITALI YANG TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG SUMBER UTAMA JUGA BERMINAT MENYEMAI HUBUNGAN LANGSUNG DENGAN NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA DIMANA TERDAPAT BANYAK BAHAN MENTAH.

INI DAPAT DILIHAT PADA SYOR-SYORNYA BAGI MENDIRIKAN INDUSTRI USAHASAMA BERDASARKAN SUMBER DI MALAYSIA.

LAWATAN DATUK SERIDR. MAHATHIR PADAT DENGAN PROGRAM-PROGRAM PEGAWAI-PEGAWAI MALAYSIA BIMBANG BAWA PERDANA MENTERI YANG DIJANGKA AKAN BER-CUTI RIHAT SESENTAR SEBELUM DAN SELEPAS LAWATAN ITU AKAN MENGGUNAKAN CUTI RIHATNYA ITU BAGI MELENGKAPI PROGRAM RASNYA

PROGRAM TELAH JUGADIATUR BAGI DATIN SERI DATUK PADUKA DR. SITI HASMAH BAGI MELAWAT INDUSTRI-INDUSTRI KECIL DI ITALI.-- BERNAMA